

Tidak mempunyai batas kesopanan
membuat kritikan

Mahathir kesal sikap dua akhbar asing

UM 7 OCT 1986

SUBANG 6 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan sikap dua akhbar asing, *New York Times* dan *Wall Street Journal* yang beliau sifatkan sebagai tidak mempunyai batas kesopanan dalam membuat kritikan.

Mereka ini, nampaknya terlalu marah dengan pengusiran dua orang pemberita *Asian Wall Street Journal* (AWSJ), John Berthelsen dan Raphael Pura sehingga tidak ada kesopanannya dalam cara mereka membuat teguran dalam lidah pengarang mereka, tegas Perdana Menteri.

"Mereka berkata bahawa kita sekarang ini mengarah ke Burma. Saya kurang faham apa maksud ini," ujar beliau dalam sidang akhbar setibanya di lapangan terbang antarabangsa di sini sekembalinya dari Tokyo di mana beliau singgah dalam perjalanan pulang dari New York kerana menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut Perdana Menteri, bermacam kritikan telah dilemparkan kepada Malaysia dan *New York Times* dan *Wall Street Journal* telah mengeluarkan dua artikel serta lidah pengarang dalam sehari.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, beliau juga ber-

Oleh
Noritah Sulaiman

jumpa dengan Ketua Eksekutif *Asian Wall Street*, Encik Warren Phillips atas permintaannya melalui beberapa pihak.

"Saya telah memberi pendapat kita berkenaan dengan perkara ini tetapi nampaknya kita menghabiskan masa sahaja," jelas beliau.

Beliau menegaskan bahawa Encik Phillips mempunyai pendirian yang berat sebelah mengenai perkara ini.

Encik Phillips, kata Perdana Menteri, beranggapan bahawa kedua-dua pemberita ini sebagai manusia yang tidak pernah bohong dan membuat sesuatu apapun yang boleh menyebabkan mereka diusir dari Malaysia.

"Setelah dia menyatakan pendapatnya semacam itu, saya berpendapat tidak ada maknanya bercakap dengan orang macam ini," jelas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi penjelasan

mengenai kenyataan beliau di New York yang dilaporkan secara kurang tepat oleh pihak akhbar.

"Saya tidak berkata bahawa kita sanggup mengusir diplomat Amerika Syarikat. Apa yang saya kata ialah Amerika Syarikat juga mengusir orang luar daripada negeranya.

"Kalau mereka boleh mengusir diplomat yang mempunyai perlindungan diplomatik, saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh mengusir pemberita," tegas beliau.